

Makna ayat

Seperti yang telah dijelaskan perkataan dan morfem merupakan unit terkecil bahasa yang mempunyai makna. Kita telah pun mempelajari hubungan makna perkataan dan unsur semantic sebagai semantik leksikal sebelum ini. Walau bagaimanapun, dalam banyak perkara kita berkomunikasi menggunakan frasa dan ayat. Makna frasa dan ayat bergantung apa makna perkataan yang terkandung dalamnya dan bagaimana perkataan itu distruktur dan digabungkan.

Terdapat hubungan semantik antara kata yang telah di jelaskan sebelum ini juga ditemui antara ayat. Sebagai contoh, dua patah perkataan yang sama makna dikatakan mempunyai hubungan sinonim, manakala dua ayat dikatakan hubungan secara parafrasa. Ayat tersebut mungkin berhubung secara parafrasa kerana mengandungi perkataan sinonim dan juga parafrasa disebabkan perbezaan struktur yang tidak melibatkan perbezaan makna seperti contoh makna yang berikut:

- Kakak belajar di Universiti Islam Antarabangsa.
- Tempat kakak belajar Universiti Islam Antarabangsa.

Selain itu, perkataan mempunyai hubungan homonim yang boleh menimbulkan keaburan makna apabila diujarkan, manakala ayat bersifat kabur dan mengelirukan mungkin kerana mengandungi perkataan homonim. Perkataan mempunyai hubungan antonim, manakala ayat mempunyai bentuk penafian, misalnya pertentangan makna atau antonim bagi frasa 'kucingnya hidop' ialah 'kucingnya mati' atau dalam bentuk penafian ialah 'kucingnya tidak hidup'.

Perkataan digunakan untuk menamakan sesuatu. Ayat juga boleh digunakan untuk tujuan yang sama. Justeru, perkataan dan ayat boleh digunakan untuk merujuk kepada sesuatu atau menjelaskan benda atau perkara. Kajian bagi menjelaskan bagaimana makna perkataan bergabung kedalam makna frasa dan ayat dan hubungan makna antara unit yang lebih besar ini dinamakan makna frasa atau semantik ayat dan ia berbeza daripada semantik leksikal.

Mempelajari sesuatu bahasa bermakna kita mempelajari perkataan dalam Bahasa itu dan maknanya sekali. Sebelum kita melanjutkan perbincangan kepada makna ayat mari kita

lihat sepintas lalu makna frasa. Hal ini kerana ayat terbentuk daripada kata dan frasa, justeru perlulah dilihat kaitan semantik bagi kata dan frasa yang membentuk sesuatu ayat itu. Kita dapat membezakan frasa dan ayat kerana kita tahu makna setiap perkataan dan kita mengetahui peraturan bagi menghasilkan frasa atau ayat yang bermakna. Sebagai contoh, kita tahu makna perkataan 'kereta' dan 'lumba'. Peraturan semantik bagi menginterpretasikan frasa 'kereta lumba' adalah dengan menggabungkan unsur 'kereta' kepada unsur 'lumba'.

Sebaliknya, frasa ama 'kereta laju' pulaperlu diinterpretasikan dengan menggunakan peraturan semantik yang berbeza kerana bahagian makna yang terdiri daripada perkataan 'laju' bermaksud 'kereta yang mempunyai daya pecutan yang tinggi'. Perkataan 'laju' bagi kereta tersebut mungkin perlahan bagi basikal, beca atau motor.

Sama seperti frasa nama, ayat juga mempunyai makna bagi membolehkan kita menyatakan sesuatu. Makna bagi ayat dibina dalam bentuk bahagian-bahagian, iaitu yang terdiri daripada makna frasa nama dan makna frasa kerja. Ada ahli linguistik yang berpendapat bahawa sesetengah ayat mempunyai rujukan sama seperti perkataan. Rujukan bagi ayat adalah dengan melihat benar atau palsu, misalnya ia benar jika ayat itu benar dan ia palsu jika ayat itu palsu.

Terdapat empat aspek yang dapat menggambarkan hubungan makna ayat atau semantik ayat seperti yang berikut:

Prafrasa

Parafrasa bermaksud dua ayat yang mempunyai makna yang sama walaupun terdapat perubahan pada struktur ayat tersebut. Dengan kata lain, sesuatu ayat itu dikatakan prafrasa jika memenuhi syarat dari segi makna yang sama. Ayat-ayat yang berikut merupakan parafrasa, walaupun berbeza dari segi penekanan, tetapi masih sama maknanya:

- Kapal itu berlaboh di pelabuhan klan.
- Tempat kapal itu berlabuh ialah di Pelabuhan klang.
- Rita berkerja sebagai setiausaha.
- Pekerjaan ruta ialah setiausaha.

Syarat benar

Sesuatu ayat itu dikatakan benar apabila ia memenuhi syarat benar, iaitu jika ayat pertama itu Benar bermakna ayat kedua juga hendaklah benar. Dengan kata lain, pernyataan atau ayat itu membawa makna jika kita mengetahui dalam kiyadaan yang bagai mana ia benar. Sebagai contoh, kita mengatakan ayat 'Ulang tahun kemerdekaan Malaysia disambut pada 31 Ogos' adalah benar, namakala ayat 'Ulang tahun kemerdekaan Malaysiadisabbut pada 31 Oktober' adalah palsu. Kita mengatakan demikian kerana kita mengetahui makna kedua-dua ayat itu dengan baik. Mengetahui makna kedua-dua ayat itu bermakna kita mengetahui syarat benar ayat tersebut. Kita melihat syarat benar ayat itu dengan membandingkannya dengan 'dunia sebenar', iaitu fakta sejarah. Dengan melihat fakta sejarah itu membolehkan kita mengatakan ayat pertama benar dan ayat kedua palsu. Justeru, untuk menentukan benar atau palsu pernyataan ini adalah dengan melihat rujukannya.

Perhatikan pula contoh ayat yang berikut:

- Fairuz percaya ulang tahun kemerdekaan Malaysia disambut pada 30 Ogos.

Ayat di atas dikatakan benar jika individu sebenarnya yang bernama Fairuz itu sendiri mempercayai pernyataan tersebut, sebaliknya ia dikatakan palsu jika tidak mempercayainya. Justeru, ia menjadi syarat dengan bagi pernyataan tersebut. Dalam hal ini, ia tidak mengambil ayat ditentukan oleh peraturan semantik yang membolehkan kita menghubungkan Bahagia-bahagia ayat dan menentukan sama ada ia benar atau palsu.

Rangkuman

Rangkuman merujuk kepada hubungan tentang sesuatu preposisi atau ayat. Sebagai contoh, ayat 'Buku itu berwarna hijau' merangkumi ayat 'Buku itu bukan biru atau birah' dan ayat 'Murid itu berjalah kaki kesekolah' merangkumi ayat 'Murid itu tidak menaiki kenderaan'. Kadangkala untuk mengetahui syarat benar sesuatu ayat menghendaki kita mengandaikan kebenaran ayat yang satu lagi. Sebagai contoh, perhatikan ayat-ayat yang diberikat:

1 (a) Ramlah tahu segala-gaiannya tentang Norihan

(b) Ramlah tahu Norihan sudah berkahwin

2 (a) Mariam menyukai kesemua jenis buah-buahan tempatan.

(b) Mariam menyukai buah langsung, duku dan rambutan

Berdasarkan contoh ayat tersebut, kita mempercayai ayat 1 (a) dan 2 (a) benar dengan mengandaikan bahawa ayat 1 (b) dan 2 (b) juga adalah benar. Hal ini kerana ayat kedua telah terangkum dalam makna ayat yang pertama.

Percanggahan

Percanggahan merujuk kepada dua ayat yang bercanggah dari segi syarat benar, iaitu jika satu ayat itu benar, ayat yang satu lagi itu adalah palsu. Dengan kata lain, kebenaran bagi satu ayat mengandaikan kepalsuan bagi yang satu lagi. Sebagai contoh, perhatikan ayat-ayat yang berikut:

1 (a) Bapanya ialah pengetua sekolah menengah.

(b) Bapanya tidak bekerja.

2 (a) Daud berumur lima tahun

(b) Daud pelajar tingkatan lima.

Berdasarkan contoh ayat tersebut, jika ayat 1 (a) dan 2 (a) adalah benar maka semestinya ayat 1 (b) dan 2 (b) adalah palsu. Hubungan yang sedemikian disebut percanggahan, iaitu kebenaran bagi satu ayat bercanggah dengan kebenaran ayat yang satu lagi.